

Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dalam Memahami Fungsi Pola Imbuhan Bahasa Arab

BITARAVolume 3, Issue 4, 2020: 063-070
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Level of Proficiency Among Students Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) in Understanding Affixation in Arabic Language]

Tuan Nur Afifah Tuan Omar & Suhaila Zailani @ Ahmad¹

Abstrak

Penguasaan Bahasa Arab yang lemah dalam kalangan pelajar bermula dengan kurangnya penekanan beberapa tajuk penting dalam morfologi Arab. Tajuk pola imbuhan merupakan salah satu tajuk yang sangat penting dalam penguasaan morfologi Arab. Penguasaan dalam tajuk ini dapat membantu pelajar memahami dan menguasai bahasa Arab dengan lebih baik. Artikel ini bertujuan mengukur tahap penguasaan pelajar dalam memahami fungsi pola imbuhan menerusi Ujian Diagnostik Morfologi Arab (UDMA). Kajian ini merupakan kajian lapangan yang melibatkan enam buah SMKA terpilih bagi mewakili lima zon di Malaysia. Kajian melibatkan responden seramai 539 pelajar Tingkatan 5. Data utama diperoleh melalui instrumen Ujian Diagnostik Morfologi Arab. Soalan berkaitan fungsi pola imbuhan diuji di bahagian keempat dalam UDMA. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan morfologi Arab bagi majoriti pelajar di SMKA berada di tahap sederhana. Manakala bahagian keempat merupakan bahagian yang kurang dikuasai oleh pelajar. Kajian ini diharap dapat membantu para guru untuk merancang dan memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar.

Kata kunci:

Penguasaan, memahami, fungsi, Pola Imbuhan, Ujian Diagnostik, Morfologi Arab (UDMA).

Abstract

The weak proficiency of Arabic Language among students begins with the less emphasis on some of the important topics in Arabic morphology. Affixation is one of the most important topics in the proficiency of Arabic morphology. This topic can help students understand Arabic language better. The purpose of this article is to measure the proficiency level of students in understanding affixation through the Arabic Morphology Diagnostic Test. This research is a field research involving six selected SMKA school which represents five zone in Malaysia. It involves 539 respondents from form five students. The main data is obtained through Arabic Morphology Diagnostic Test instrument (AMDT). Questions regarding the function of affixation is tested on the fourth section in AMDT. The research shows the proficiency level of Arabic Morphology on majority of the students in SMKA is at medium level. Meanwhile, the fourth section is a section that is less mastered by the students. This research is meant to help the teachers to plan and choose the suitable teaching and learning methods with their students' mastery level.

Keywords:

Proficiency, understanding, function, affixation, Arabic Morphology Diagnostic Test (AMDT).

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Suhaila Zailani @ Ahmad, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA.
E-mail: suzail@ukm.edu.my

Cite This Article:

Tuan Nur Afifah Tuan Omar & Suhaila Zailani @ Ahmad. 2020. Penguasaan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dalam memahami fungsi pola imbuhan Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 063-070.

Pengenalan

Penguasaan bahasa Arab yang lemah dalam kalangan pelajar merupakan satu hal yang amat merunsingkan dan sering dibincangkan di setiap peringkat sama ada peringkat sekolah mahupun peringkat universiti. Namun begitu, permasalahan tersebut sehingga kini tidak ada kesudahannya walaupun pelbagai kajian dan usaha telah dilakukan dan dilaksanakan bagi mencari punca dan penyelesaiannya. Menurut Zulkifley (2006), antara cara untuk mengesan punca kelemahan pelajar dalam penguasaan bahasa Arab adalah dengan melaksanakan ujian diagnostik.

Faezah (2007) berpendapat bahawa kajian berkaitan pembinaan ujian diagnostik di Malaysia masih kurang dilakukan kerana wujud beberapa kekangan walaupun kajian ini telah lama dilakukan di luar negara. Bhasah (2009) menyokong pendapat ini dengan mengatakan bahawa kebanyakan ujian yang dibentuk tidak memenuhi tujuan diagnostik. Selain digunakan untuk mengesan kekuatan dan kelemahan murid ujian diagnostik juga digunakan untuk tujuan penempatan Alderson (2005).

Menurut Kamarudin (2001), pembinaan ujian diagnostik yang baik memerlukan lima kriteria penting. Ujian diagnostik yang dibina mestilah berkesan, memerlukan masa, kemahiran, ketelitian dan bentuk ujian yang sesuai kerana item-item yang dibina harus berfokus kepada daerah yang menjadi kelemahan dan setiap aspek kemahiran perlu diuji. Item diagnostik tidak boleh dibina bagi kemahiran tertentu sahaja sebagai sampel kandungan sebagaimana ujian biasa kerana ia mestilah dapat mengesan kelemahan dan punca-punca kelemahan.

Kajian berkaitan bidang morfologi bukanlah sesuatu yang baharu dalam pengajaran bahasa Arab malah ia mula mendapat tempat bagi para penyelidik untuk mendalami serta memahami bidang pengkajian ini. Hal ini disebabkan, kemerosotan para penutur terutama dalam kalangan pelajar dalam aspek penggunaan bentuk serta pola perkataan. Menurut Che Radiah Mezah (2009), kebanyakan pelajar melakukan kesilapan dalam penggunaan bentuk atau pola perkataan yang tidak sesuai dengan konteks ayat. Konteks ayat tersebut meliputi kata kerja berimbuhan, kata *jama*^c, *masdar* dan kata *mushtaq*.

Menurut Hasanah (2017), kata kerja berimbuhan (*al-af'al al-mazidah*) mempunyai pelbagai *wazan* dan setiap *wazan* mempunyai pelbagai makna. Hal ini menyukarkan pelajar untuk mengenal pasti makna tambahan yang ada pada setiap kata kerja yang mempunyai imbuhan huruf dalam bahasa Arab. Berrtitik tolak daripada pernyataan inilah, kajian ini dilakukan bagi mengukur tahap penguasaan pelajar tingkatan 5 SMKA dalam memahami fungsi pola imbuhan dalam ayat.

Penguasaan Pelajar dalam Morfologi Arab

Ahmad Kilani et al. (2003) dan Ahmad Hifni (2005) menyenaraikan beberapa faktor dan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari tatabahasa Arab. Antaranya, masalah untuk memahami dan mengingat kaedah-kaedah sarf yang kompleks dan kesukaran mengenal pasti asal perkataan atau kata berimbuhan. Masalah-masalah ini perlu dibendung kerana ia menjadi batu penghalang kepada minat pelajar dalam mempelajari tatabahasa Arab.

Menurut Mohd Zaini (2012), kemerosotan penguasaan bahasa Arab bukan sahaja berlaku di peringkat sekolah, malah pusat-pusat pengajian tinggi turut merasai hal yang sama. Norazwa (2014) dan Muhammad Fahmi (2012) pula mengkaji penguasaan pelajar terhadap *al-af' al al-mazidah*. Norazwa mendapati bahawa penguasaan pelajar sarjana dalam *al-af' al al-mazidah* secara asasnya berada di tahap baik. Namun begitu, pelajar masih tidak dapat menguasai penggunaan *al-af' al al-mazidah* dan fungsinya dalam ayat. Begitu juga dapatan kajian Muhammad Fahmi menunjukkan bahawa penguasaan pelajar STAM terhadap konsep imbuhan dan fungsi maknanya masih di tahap yang lemah. Penguasaan pelajar dalam menggunakan kata kerja berimbuhan mengikut konteks ayat juga masih di tahap sederhana. Walaupun pelajar dapat menentukan kata asal bagi kata kerja berimbuhan dengan baik, namun begitu, penguasaan kata kerja berimbuhan yang terdiri daripada empat huruf masih rendah.

Hasanah (2017) menyatakan bahawa salah satu kesukaran pelajar dalam memahami fungsi pola imbuhan adalah disebabkan pola imbuhan dalam bahasa Arab mempunyai banyak *wazan* dan setiap *wazan* mempunyai pelbagai makna. Kajian ini menggunakan pelajar semester dua program Pengajian Bahasa Arab dengan melihat hasil terjemahan mereka dalam kata kerja berimbuhan sebagai instrumen kajian. Hasil kajian mendapati kebanyakan pelajar menterjemah dengan makna yang pelbagai dan tidak memberi makna yang sesuai berdasarkan imbuhan yang terdapat pada kata kerja tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa di peringkat pengajian tinggi juga pelajar masih belum dapat menguasai fungsi pola imbuhan. Sekiranya kelemahan pelajar dalam menguasai pola imbuhan dapat dibendung daripada bangku sekolah lagi, masalah ini mungkin dapat diatasi di peringkat pengajian tinggi atau di peringkat universiti.

Kata Kerja Berimbuhan Bahasa Arab

Imbuhan huruf dalam bahasa Arab pada *fi' il mazid* (kata kerja berimbuhan) berlaku apabila berlaku perubahan pola atau *wazan* pada *fi' il mujarrad* (kata kerja dasar) disebabkan penambahan huruf sama ada satu huruf, dua huruf atau tiga huruf. Penguasaan pelajar dalam memahami dan mengingati pola atau *wazan* kata kerja berimbuhan sangat penting supaya perbezaan makna yang terkandung dalam kata kerja tersebut dapat dikenal pasti dengan baik.

al-Rajih (1999) menyatakan bahawa pembentukan kata dalam bahasa Arab adalah bersifat fleksi dengan pertukaran kedudukan huruf, pengguguran dan penambahan huruf. Perkara ini perlu dikuasai oleh pelajar terlebih dahulu sebelum kemahiran lain seperti membaca, menulis, bertutur dan mendengar dapat dikuasai dengan baik. Berikut ialah senarai *wazan* atau pola kata kerja berimbuhan (al-Rajih 1999):

Jadual 1 Senarai *wazan* Kata Kerja Berimbuhan

No.	<i>Wazan</i> Kata Kerja Berimbuhan	Penambahan Huruf di awal/tengah/akhir perkataan
1.	أفعل	Penambahan <i>hamzah</i> (ء) di awal.
2.	فاعل	Penambahan <i>alif</i> (ا) di tengah.
3.	فعل	Pengulangan huruf yang sama di tengah atau <i>syaddah</i> (ّ).
4.	انفعل	Penambahan <i>alif</i> dan <i>nun</i> (ا ن) di awal
5.	افتعل	penambahan <i>alif</i> di awal dan <i>ta'</i> (ا ت) dan di tengah (antara huruf <i>fa</i> dan ' <i>ain</i>
6.	افعلّ	penambahan <i>alif</i> dan <i>shaddah</i> (ا ّ) di awal dan di akhir.
7.	تفاعل	penambahan <i>ta'</i> dan <i>alif</i> (ا ... ت) di awal dan di tengah.
8.	تفعل	penambahan <i>ta'</i> dan pengulangan huruf yang sama (<i>shaddah</i>) (ا ... ت ّ) di awal dan di tengah.
9.	استفعل	penambahan <i>alif</i> , <i>sin</i> , <i>ta</i> (ا س ت) di awal.

Ujian Diagnostik Morfologi Arab (UDMA)

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan instrumen ujian diagnostik morfologi Arab (UDMA) sebagai kaedah utama pengumpulan data. Set soalan UDMA ini dibangunkan oleh kumpulan penyelidik FRGS/1/2016/ SSI09/UKM/02/7 bagi mengukur tahap penguasaan pelajar tingkatan 4 dan 5 dalam morfologi Arab, di samping mengesan aspek-aspek morfologi Arab yang kurang dikuasai oleh pelajar tersebut. Set ujian ini terdiri daripada 100 soalan yang meliputi tajuk-tajuk morfologi Arab yang dipelajari di tingkatan 4 dan 5. Soalan-soalan tersebut dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima. Setiap bahagian mengandungi 20 soalan. Bagaimanapun, dalam kajian ini, hanya bahagian keempat sahaja dianalisis. Pembahagian item soalan dapat dilihat berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 2 Pembahagian Item Soalan UDMA mengikut bahagian.

Bahagian	Item	Bil soalan	No. soalan
1	Penentuan tasrif kata kerja (<i>Madi</i> , <i>Mudari'</i> , <i>Amr</i>)	20	1-20
2	Huruf tambahan	20	21-40
3	Pola imbuhan	20	41-60
4	Fungsi pola imbuhan dalam ayat	20	61-80
5	Kata nama pecahan	20	81-100

Sumber: UKM.IKB.800-4/1/1533

Responden kajian terdiri daripada para pelajar Tingkatan 5 di lima SMKA terpilih iaitu satu SMKA mewakili setiap zon. Sekolah SMKA tersebut dibahagikan kepada 5 zon berdasarkan kedudukan negeri di Malaysia, iaitu Zon Utara (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang), Zon Tengah (Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya), Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor), Zon Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), dan Zon Sabah & Sarawak (Sabah dan Sarawak). Jumlah responden yang menjawab soalan UDMA ialah seramai 539 orang. Jadual di bawah menunjukkan keputusan UDMA berdasarkan 5 bahagian item soalan:

Jadual 3 Keputusan ujian diagnostik morfologi Arab (UDMA) mengikut bahagian

Skala	Markah	Bilangan Pelajar				
		Bahagian 1	Bahagian 2	Bahagian 3	Bahagian 4	Bahagian 5
Cemerlang	16 - 20	73	204	396	4	2
Baik	11 - 15	299	262	125	44	53
Sederhana	6 - 10	150	61	14	352	347
Lemah	1 - 5	15	11	3	138	135

Sumber: Tuan Nur Afifah 2017

Tahap penguasaan pelajar menggunakan pola imbuhan dalam ayat diuji pada bahagian empat, iaitu daripada soalan nombor 61 hingga 80. Bahagian ini memerlukan pelajar memilih perkataan yang mengandungi pola imbuhan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberi. Setiap imbuhan memberi maksud yang berbeza walaupun kata dasarnya adalah sama. Dapat dilihat bahawa pelajar kurang menguasai soalan dalam bahagian ini, hanya empat orang pelajar sahaja yang berjaya mencapai markah yang cemerlang antara 16 – 20, 44 orang pelajar lagi mendapat markah baik antara 11-15, majoriti pelajar, iaitu seramai 352 orang mendapat markah sederhana antara 6-10, manakala selebihnya seramai 138 orang mendapat markah yang rendah antara 1–5 markah.

Hal ini sangat berbeza atau berlawanan dengan keputusan di bahagian ketiga. Didapati bahawa pelajar dapat menjawab soalan di bahagian ketiga dengan cemerlang. Seramai 396 orang berjaya mencapai markah 16 - 20, 125 orang pula berjaya menjawab dengan baik, manakala bakinya, hanya 14 orang sahaja berada di kedudukan sederhana dan tiga orang mendapat markah yang lemah. Perbezaan bilangan pelajar yang dapat menjawab antara kedua-dua bahagian ini menunjukkan bahawa para pelajar dapat menguasai pola imbuhan Bahasa Arab dengan baik dan cemerlang. Mereka berjaya menentukan pola imbuhan bagi keseluruhan soalan di bahagian ketiga kecuali beberapa soalan yang melibatkan pola imbuhan *انفعل* dan *افتعل*. Kedua-dua pola imbuhan ini kurang dikuasai oleh pelajar dan sering menimbulkan kekeliruan ketika diminta menentukan pola imbuhan bagi perkataan *ازدحم*, *اصطدم*, *اتصف* dan *اتتفق* dalam soalan 51, 54, 56 dan 59 (Tuan Nur Afifah et al. 2019).

Jadual 2 Kekerapan jawapan yang betul pada bahagian ke empat UDMA

No. Soalan	Item soalan berkaitan penggunaan pola imbuhan	Kekerapan yang betul	Peratus
61	انتشرت ، أنشرت ، نشرت	249	46%
62	يصفّحوا ، يتصفّحوا ، يتصافحوا	102	20%
63	أغفر ، تغافر ، استغفر	172	32%
64	يجمع ، يجتمع ، يجامع	111	20.5%
65	احمر ، أحمر ، حمّر	158	29%
66	احمر ، أحمر ، حمّر	434	80.5%
67	احتفل ، حفّل ، حافل	194	36%
68	رجع ، راجع ، استرجع	334	62%
69	سمع ، استمع ، سامع	224	41.5%
70	يحرّب ، يحارب ، يتحارب	147	27%
71	انطلق ، طلق ، أطلق	210	39%
72	يستأخر ، يؤخّر ، يتأخّر	171	31.7%
73	علم ، تعلم ، أعلم	182	34%
74	ظهرت ، ظاهرته ، تظاهرت	219	40.6%
75	استهزم ، انهزم ، هزم	85	16%
76	قدم ، تقدّم ، أقدم	191	35%
77	يتواصّوا ، يُواصّوا ، يتواصّوا	152	28%
78	يسألون ، يسألون ، يسألون	186	34.5%
79	تؤكلوا ، أكلوا ، واكلوا	281	52%
80	يواجه ، يتوجّه ، يُوجّه	204	38%

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat pelajar tidak dapat menguasai bahagian ini dengan baik. Hal ini mungkin kerana pelajar mempelajari tajuk ini secara hafalan semata-mata tanpa mengetahui maksud dan fungsi setiap imbuhan. Jadual 2 menunjukkan kesemua item adalah sukar bagi pelajar melainkan item bernombor 66. Hanya soalan bernombor 66 sahaja

dapat dijawab dengan baik dan nombor ini sebenarnya adalah ralat disebabkan masalah teknikal. Analisis terhadap jawapan pelajar mendapati mereka tidak dapat membezakan perubahan maksud apabila dimasukkan huruf tambahan pada perkataan-perkataan tersebut. Mereka juga tidak mengetahui fungsi tertentu bagi huruf-huruf tambahan tersebut.

Dalam bahagian ini, item 75 merupakan item yang paling sukar dijawab oleh pelajar. Hanya 85 orang pelajar sahaja yang berjaya menjawab soalan ini dengan betul. Majoriti pelajar menjawab item ini dengan jawapan A iaitu استهزم. Dalam *Mu'jam al-Wasit* perkataan استهزم bermaksud ingin mengalahkan. Pilihan jawapan lain iaitu B pula mengandungi jawapan انهزم yang bermaksud dikalahkan. Pilihan jawapan C dan D iaitu هزم dan هزم tidak wujud di dalam bahasa Arab. Daripada maksud-maksud tersebut dapat dilihat bahawa pilihan jawapan yang sesuai adalah B iaitu انهزم.

Soalan 68 pula antara soalan yang dapat dikuasai oleh pelajar dengan baik berbanding soalan-soalan lain. Seramai 334 orang pelajar dapat menjawab dengan tepat bagi soalan ini. Analisis kajian mendapati bahawa soalan ini dapat dijawab dengan baik oleh pelajar kerana pilihan jawapan yang tepat tidak mempunyai huruf tambahan iaitu perkataan رجع. Perkataan dan ayat yang dikemukakan sebagai pilihan jawapan dalam soalan ini merupakan ayat dan perkataan yang biasa didengari dan dipelajari oleh pelajar di sekolah. Justeru itu, pelajar dapat memilih jawapan yang tepat bagi soalan ini.

Soalan 69 pula merupakan soalan yang mengandungi ayat seruan يا أيها الناس. Bagi soalan ini pelajar sukar untuk mendapatkan jawapan yang tepat kerana mereka keliru di antara perkataan اتكّلوا ataupun توكلوا sebagai pilihan jawapan. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah perkataan اتكّلوا namun begitu, pelajar lebih cenderung memilih perkataan توكلوا sebagai jawapan. Hal ini mungkin kerana pelajar kebiasaannya mendengar ayat seruan yang berbunyi يا أيها الناس! اتقوا الله ketika khutbah Jumaat. Disebabkan perkataan اتقوا dan اتكّلوا mempunyai wazan yang sama, pelajar menjadi keliru untuk memilih jawapan yang betul.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil daripada UDMA mendapati bahawa pelajar SMKA masih kurang menguasai pola imbuhan bahasa Arab. Mereka hanya mengingat wazan-wazan kata kerja berimbuhan tanpa mengetahui fungsi dan maknanya. Kebanyakan item yang berjaya dijawab oleh ramai pelajar adalah item yang mempunyai perkataan yang biasa didengari dan dipelajari oleh pelajar di dalam kelas. Penguasaan pelajar SMKA terhadap pola menguasai pola kata kerja Bahasa Arab berimbuhan perlu ditingkatkan lagi agar mereka dapat memahami dan menguasai bahasa Arab dengan lebih cemerlang.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana FRGS/1/2016/SS109/UKM/02/7. Jutaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin & Bhasah Abu Bakar. 2008. *Penaksiran dalam pendidikan dan sains sosial*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Kilani Mohamed, Azhar Mohammad, Kamarul Azmi Jasmi. 2013. Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa Arab Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) Utm. Dlm. *Prosiding Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges* at Fakulti Pengurusan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi on 26 March 2013, pp. 1-12.
- Ahmad Hifni. 2005. Usaha-usaha ke arah mempermudah pengajaran tatabahasa Arab dan penerapannya dalam Kurikulum Bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam UKM. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam UKM Bangi.
- Alderson, J. C. 2005. *Diagnosing foreign language proficiency: The interface between learning and assessment*. London: Continuum.
- Bhasah Abu Bakar. 2009. *Asas Pengukuran Dalam Bilik Darjah*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Che Radiah Mezah, & Norhayati Awang. 2007. *Panduan Menulis Kedudukan Hamzah Dalam Perkataan Arab*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Faezah Razali. 2007. Ujian Diagnostik Matematik Menengah Atas. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasanah Iksan. 2017. Kata Kerja Berimbuhan Arab – Melayu: Kajian Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Menterjemah. Dlm. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*. Kolej Universiti Islam Selangor. Bangi.
- Kamaruddin Husin. 2001. *Kaedah Pengajaran Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Manual prosedur pengendalian ujian diagnostik pengajaran-pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) 2006*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Muhammad Fahmi Abd Jalil. 2012. Penguasaan Pelajar STAM Terhadap Imbuhan Kata Bahasa Arab. Disertasi Sarjana Universiti Malaya.
- Mohd Zaini Sejo. 2012. Penekanan ilmu morfologi dalam buku teks Bahasa Arab kurikulum baru sekolah menengah. *Prosiding*
- Norazwa Ahmad Ramli. 2014. Penguasaan pelajar sarjana Pengajian Islam terhadap *al-af' al al-mazidah* dalam morfologi Arab. Disertasi sarjana yang belum diterbitkan. Fakulti Pengajian Islam UKM Bangi.
- al-Rajihi, Abduh, 1999. *Al-Tatbi:q al-Sarfi*, Riyad: Maktabat al-Ma'arif.
- Zulkifley Hamid. 2006. *Aplikasi Psikolinguistik: Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing